

21/11/1997

Mari katakan tidak kepada Wexler

Abdurrahman Haqqi

MINGGU lalu, TV3 menayangkan temu bual dengan Robert Wexler, ahli Kongres Amerika Syarikat yang sedang 'mencipta nama' yang sebelumnya jangankan Malaysia, masyarakat Amerika Syarikat sendiri kurang terdedah kepada aktivitinya. Dia mencipta nama dengan suatu perbuatan yang 'membelakangi diplomasi dalam menghormati kedaulatan negara ini yang mengamalkan prinsip demokrasi berperlembagaan', tulis Minda Pengarang BH Jumaat lalu.

Seperti kita maklumi, Wexler dan puaknya dalam Kongres Amerika meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf dan meletak jawatan kerana kononnya beliau anti-Yahudi dengan mendakwa krisis mata wang di rantau ini didalangi suatu konspirasi Yahudi.

Dalam temu bual berkenaan, Wexler membayangkan bahawa bangsa Yahudi akan dianiaya lagi oleh masyarakat dunia sebagaimana mereka dianiaya Hitler bersama tentera Nazinya. Menurutny, dakwaan Dr Mahathir berbau anti-Semitik. Bagaimanapun, kisah Hitler dan Nazi yang membunuh kononnya enam juta Yahudi di Jerman adalah suatu pembongkaran sejarah seperti yang dibuktikan, setidak-tidaknya oleh seorang paderi Perancis yang kemudiannya 'dipaksa' menafikan penemuannya beberapa bulan lalu.

Wexler, dengan perbuatannya itu, boleh dianggap sebagai 'pelobi' atau 'dilobi' oleh organisasi pelobi Yahudi yang menguasai Kongres Amerika dan juga Rumah Putih yang Anti Defamation League (ADL) adalah pertubuhan terkuatnya. Dalam buku Little Man: Meyer Lansky and The Gangster Life, ADL menjadi senjata rahsia Meyer Lansky, seorang ketua penjahat Amerika berketurunan Yahudi berasal dari Poland yang mengalahkan dominasi mafia Itali di Amerika, untuk menjadikan Kongres Amerika 'Wilayah Pendudukan Israel'.

Penguasaan lobi Yahudi dalam Kongres Amerika dan Rumah Putih bukan rahsia lagi. Ketika masih belajar pada 1980 akhbar Kuwait al-Qabas menterjemahkan sebuah buku yang menggegarkan masyarakat Amerika khususnya dan antarabangsa amnya. Terjemahan ini disiarkan mingguan sebelum kemudiannya ia dicetak menjadi buku bertajuk Man yajru' 'alal-kalam atau dalam bahasa asalnya They Dare To Speak Out karangan Paul Findley, bekas Senator Amerika.

Dalam buku berkenaan, Findley mendedahkan bagaimana gerak-geri pelobi Yahudi dengan penuh kelicikan, keganasan dan kepiawaiannya mempengaruhi setiap keputusan dan pendirian Amerika khususnya yang berkenaan dengan Israel dan Asia Barat. Sampaikan dia dan rakan-rakannya daripada kalangan Kristian Amerika tidak boleh bercakap apapun. Yang boleh mereka rasai dan lihat adalah kezaliman Amerika di Asia Barat.

Kejatuhan Amerika Syarikat di tangan bangsa Yahudi pernah dibayangkan oleh presiden pertamanya, George Washington 200 tahun lalu, yang sememangnya tidak menyukai mereka. Bahkan, seorang pelawak Amerika Syarikat yang terkenal, Jackie Mason pada 1975 pernah memberi komen mengenai mafia orang Itali yang mempunyai bahu yang luas dan cermin mata hitam: "Bagaimana mungkin mereka boleh menciptakan sesuatu semacam mafia jika mereka tidak ditunjuk ajar oleh seorang Yahudi." (Miami News, 18 Disember 1975).

Wexler sebagai anggota Kongres Amerika sepatutnya menyedari hakikat di atas tetapi malangnya tidak ada orang yang mengingatkannya kecuali Malaysia. Perlu ditegaskan di sini, Malaysia tidak anti-Yahudi. Malaysia adalah antikezaliman, antiketidakadilan, antipenganiayaan, antipenipuan, antiputar belit sejarah dan antikebatilan dari mana jua ia timbul dan oleh

siapa pun ia dilakukan.

Dalam sejarah moden, pembezaan antara Yahudi dan Zionis mestilah diperhatikan dengan teliti. Kedua-duanya tidaklah sama walau kedua-duanya tidak boleh dipisahkan. Tidak semua bangsa Yahudi berfahaman Zeonisme tetapi setiap Zionis adalah Yahudi dengan sebuah cita-cita yang melampau dengan menggunakan apa saja cara. Yahudi dengan Kitab Taurat manakala Zeonisme dengan pegangan Protokol Hukama Sohion yang ingin menguasai dunia dan menjadikan seluruh umat manusia budak dan hamba mereka.

Pendedahan gerak-geri Zionis sepatutnya didedahkan secara meluas oleh setiap individu dan kumpulan yang cinta perdamaian dan keamanan daripada semua pihak sama ada Yahudi, Kristian, Islam dan agama lain. Dalam era teknologi maklumat ini, langkah pendedahan terbabit tidak ada halangan lagi kecuali kekurangan diri kita sendiri. Jika dalam ajaran Islam perkara ini termasuk dalam firman Allah yang bermaksud "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri." (QS. ar-Ra'du:11).

Ketika umat Islam membicarakan Yahudi sebagai agama dan bangsa, mereka tidak keluar daripada ajaran dan tuntutan al-Quran dan as-Sunnah. Mereka akan berkata seperti yang dikatakan al-Quran dan Sunnah dan akan menulis seperti yang ditulis kedua-duanya. Nabi Muhammad pernah bersabda mafhumnya: "Perkatakanlah perihal Yahudi dan jangan segan-segan."

Yahudi adalah abang tua Islam dan Islam adalah adik bongsu yang mengenang budi dan kedudukan.

(END)